

Risālah al-Qawā'id

Tulisan asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs



Risālah al-Qawā'id



Risālah al-Qawā'id

Risālah al-Qawā'id

Risālah al-Qawā'id

Inilah sebuah risalah yang diberikan nama *al-Qawā'id*, [yang telah disusun] oleh *Sanad al-Ārifīn, Quṭb al-Muḥaqqiqīn*, Saiyidī Aḥmad ibn Idrīs, semoga Allāh meredainya.

﴿ Risālah al-Qawā'id ﴾

Dengan nama Allāh Yang Maha Pengasih Yang Maha Penyayang. Dan semoga Allāh mencurahkan selawat ke atas penaung kita Muḥammad dan ke atas keluarganya, pada setiap pandangan dan pada setiap nafas dengan bilangan sebanyak apa yang diliputi oleh ilmu Allāh.

Adapun sesudah itu.

﴿ Kaedah yang pertama ﴾

Maka adalah urusan yang mengumpulkan (yakni sempurna) dan kata-kata yang didengarkan (yakni bermanfaat) serta pedang yang memotong (yakni tajam) pada jalan Allāh Ta'ālā, untuk yang berakal, yang menghendaki kelepasan bagi dirinya daripada segala kebinasaan, dan mencintai dia agar dimasukkan oleh Allāh ke dalam golongan *al-muqarrabīn* (yang didekatkan) daripada sekelian golongan, ialah apabila dia ingin memasuki (yakni memulakan) sesuatu urusan daripada segala urusan-urusannya, yang berbentuk perkataan atau yang berbentuk perbuatan :

Maka hendaklah dia mengetahui yang sudah pasti Allāh Ta'ālā akan mendirikannya di hadapanNya, dan Dia akan menyoalnya mengenai urusan itu. Maka hendaklah dia menyediakan jawapan bagi soalan oleh Yang Maha Benar Yang Maha Tinggi itu, sebelum dia memasuki urusan itu.

Maka jika dia melihat jawapan itu adalah benar, tepat, diredai oleh Yang Maha Benar Yang Maha Tinggi dan diterima olehNya, maka bolehlah dia memasuki urusan itu. Dan hasilnya adalah terpuji di dunia dan di akhirat.

Dan jika dia melihat yang jawapan itu tidak diterima daripadanya oleh Yang Maha Benar Yang Maha Tinggi dan tidak diredaiNya, maka hendaklah dia membatalkan urusan itu, apa jua urusan itu, kerana ia adalah kecelakaan ke atasnya jika dia memasuki urusan itu.

Dan inilah kaedah yang merupakan asas bagi segala perbuatan dan juga perkataan.

Maka sesiapa yang merealisasikan dan berpegang teguh dengannya, maka segala keadaannya akan dibina di atas kebenaran, zahir dan batin, dan tiadalah dia memasukinya dengan sebarang kecacatan pada sesuatu wajah daripada segala wajah (yakni tiada kecacatan pada setiap aspek).

Dan inilah makna sabda Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* (yang bermafhum), "Hisablah diri-diri engkau sekelian sebelum engkau sekelian dihisabkan, dan timbangkanlah ia sebelum ia ditimbangkan ke atas engkau sekelian."

Risālah al-Qawā'id

﴿ Kaedah yang kedua ﴾

Tiada dia melakukan sebarang perbuatan dan tiada dia mengucapkan sebarang perkataan, melainkan yang dimaksudkan dengannya ialah wajah Allāh Ta'ālā [semata-mata].

Dan apabila sudah sahlah maksud di dalamnya itu ialah kerana wajah Allāh Ta'ālā [semata-mata], dan bersih kalbunya daripada setiap kekotoran selain daripada Allāh, dan berpegang teguh kalbunya dengan kaedah ini, dan jadilah pula dia tidak berkata-kata dan tidak melakukan sebarang perbuatan melainkan dengan penentuan (yakni menentukan pelaksanaan kaedah ini) dan dengan berhati-hati, maka [barulah] jadi perbuatan-perbuatannya ikhlas seluruhnya dan tidak tercampur [dengan kekotoran] di dalamnya pada sesuatu wajah daripada segala wajah (yakni ikhlas seluruhnya pada setiap aspek).

Dan inilah makna firman Pencipta kita Yang Maha Besar Yang Maha Tinggi kepada utusanNya yang paling agung dan kekasihNya yang paling mulia, *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* [yang bermafhum], “**Dan bersabarlah engkau bersama-sama mereka yang memohon kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, menginginkan wajahNya.**”

Yakni, tiadalah [mereka menginginkan] sesuatu selainNya pada setiap urusan mereka.

Dan telah berfirman 'Azza Wa Jall [yang bermafhum], “**Dan tidak pula [dia menginginkan] balasan nikmat daripada sesiapa pun melainkan hanya mengharapkan wajah Tuhannya Yang Maha Tinggi, dan dia kelak merasa berpuas hati.**”

﴿ Kaedah yang ketiga ﴾

Hendaklah dia menjadikan rasa belas kasihan ke atas setiap muslim, yang besar dan yang kecil, bermastautin di dalam kalbunya dan memberikan hak-hak [yang dituntut oleh agama] Islam kepada mereka, [dalam keadaan] menghormati dan memuliakan mereka.

Maka jika dia berpegang teguh dengan kaedah ini dan menetapkan kalbunya di dalam pendirian ini, Allāh Maha Suci Dia dan Maha Tinggi, akan melimpahkan cahaya-cahaya rahmat *ilāhiyyah* yang akan mengalir pada seluruh badannya. Dan dia akan merasakan kemanisannya. Dan dia akan mencapai sebahagian besar daripada warisan *an-nabawī*, [sebagai seorang] yang tuahnya mencurah berlimpah-limpah.

Seperti yang telah difirmankan oleh Allāh 'Azza Wa Jall [yang bermafhum], “**Dan tiadalah Kami utuskan engkau, melainkan sebagai rahmat untuk seluruh alam.**”

Dan inilah makna sabda Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* [yang bermafhum], “**Sesungguhnya bagi Allāh 'Azza Wa Jall tiga jenis kehormatan. Sesiapa yang memeliharanya, nescaya Allāh akan memelihara urusan agama**

Risalah al-Qawā'id

dan dunianya. Dan sesiapa yang tidak memeliharanya, nescaya Allāh tidak akan memelihara baginya sesuatu pun. [Dan tiga jenis kehormatan itu ialah] kehormatan Islam, kehormatanku dan kehormatan *rahimī* (yakni kehormatan silaturahmi dengan keluarga Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam*).

Dan inilah makna sabda Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* kepada Abū Bakr aṣ-Ṣiddīq, semoga beliau diredai oleh Allāh [yang bermafhum], “Janganlah engkau menghina seorang pun daripada golongan muslimin, kerana sesungguhnya seorang muslim yang kecil [pada pandangan manusia] itu adalah besar di sisi Allah.”

﴿ Kaedah yang keempat ﴾

Akhlak yang mulia, yang telah dibangkitkan Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* untuk menyempurnakannya, sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* [yang bermafhum], “Sesungguhnya, aku telah dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”

Dan inilah kaedah yang menjadi intipati agama. Dan hakikatnya ialah si hamba (yakni si hamba Allāh itu) mestilah berlemah lembut dengan ahli rumahnya, dengan hamba abadinya (atau para pekerjanya) dan dengan golongan muslimin seluruhnya.

Telah bersabda Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* [yang bermafhum], “Ahli syurga itu ialah setiap yang berlemah-lembut, mudah (yakni tidak cerewet) dan akrab. Dan ahli neraka itu setiap yang keras dan *qaba 'tharā*.”

Mereka telah bertanya, “Dan apa itu *qaba 'tharā*, wahai Rasūlallah?”

Baginda telah menjawab, “Yang keras (yakni kasar) terhadap keluarganya, yang keras terhadap sahabatnya, dan yang keras terhadap saudara-maranya (atau kaumnya).”

Dan telah berfirman Pelindung kita Yang Maha Agung [yang bermafhum], “**Berkata-katalah engkau sekalian kepada manusia dengan yang baik.**”

Yakni, bukan dengan sesuatu yang buruk.

Dan telah berfirman ‘Azza Wa Jall [yang bermafhum], “**Dan katakanlah kepada hambaKu agar mereka berkata-berkata dengan yang baik.**”

Dan [yang dimaksudkan dengan] yang baik ialah semua kebaikan dan yang lebih daripada itu.

Dan ringkasannya ialah apa yang engkau suka dihadapakan (yakni dilakukan) oleh manusia dengannya kepadamu daripada segala kata-kata yang baik dan percakapan yang bagus serta perbuatan yang elok, maka engkau lakukanlah ia kepada makhluk Allāh Ta‘ālā yang lain.

Dan apa yang engkau bencikan dilakukan ke atasmu oleh hamba-hamba Allāh daripada kata-kata yang kotor dan percakapan yang buruk serta perbuatan yang dibenci, maka tinggalkanlah ia.

Risālah al-Qawā'id

Sesungguhnya, Allāh akan memperlakukan ke atas si hamba menurut sifat dan akhlak yang dilakukannya terhadap manusia lain. Dan pembalasan itu adalah bersesuaian dengan [firmanNya yang bermafhum], **“Mereka akan dibalas menurut penyifatan mereka”**, [yakni dengan] balasan yang setimpal.

Maka sesiapa yang menjadikan dirinya [seolah-olah] sebuah taman dan rahmat dan tempat berteduh kepada makhluk yang di dalamnya mereka dapat berehat, maka begitulah Allāh akan melakukan kepadanya.

Maka sesiapa yang memuliakan si hamba kerana menghormati Tuannya, dia sesungguhnya memuliakan Tuan itu sendiri.

Dan inilah yang terkandung di dalam hadis daripada Allāh ‘Azza Wa Jall (yakni hadis qudsi yang bermafhum), “Dia akan berkata kepada si hamba pada hari kiamat, “Aku telah lapar tetapi engkau tidak memberiKu makan. Dan Aku telah dahaga tetapi engkau tidak memberiKu minum. Dan Aku telah sakit tetapi engkau tidak mengunjungiku.”

Maka si hamba akan bertanya, “Bagaimanakah Engkau boleh lapar, sedangkan Engkau adalah Tuhan sekalian alam? Dan bagaimanakah Engkau boleh sakit sedangkan Engkau adalah Tuhan sekalian alam? Dan bagaimanakah Engkau boleh dahaga sedangkan Engkau adalah Tuhan sekalian alam?”

Maka Dia, Maha Suci Dia dan Maha Tinggi, akan berkata kepadanya dan memberikan tafsir (yakni penjelasan) di atas perkara itu, “Adapun si polan hambaKu telah sakit. Jika engkau mengunjunginya, engkau akan mendapati Aku di sisinya. Dan si polan hambaKu telah lapar. Jika engkau memberinya makan, engkau akan mendapati Aku di sisinya. Dan si polan hambaKu telah dahaga. Jika engkau memberinya minum, engkau akan mendapati Aku di sisinya.””

Dan Maha Suci Dia telah memberikan penjelasan bahawa di dalam kata-kataNya “Aku telah lapar, Aku telah sakit dan Aku telah dahaga”, bahawa yang dimaksudkan dengan diriNya ialah “Telah lapar hambaKu si polan, telah sakit hambaKu si polan dan telah dahaga hambaKu si polan.”

Maka berbuat baik kepada si hamba kerana menghormati Tuannya, tidak syak lagi, adalah bersamaan dengan berbuat baik kepada Tuan itu jua. Dan sesiapa yang telah menetapkan tapak kakinya di atas maqam ini, akan jadilah perbuatannya berserta dengan Yang Maha Benar, Yang Maha Besar dengan KebesaranNya, pada setiap sesuatu. Tiadalah dia mengutamakan melainkan Allāh Ta‘ālā sahaja.

Dan akhlak yang mulia dengan Allāh Ta‘ālā dan juga dengan hamba-hambaNya itu adalah terhimpun di dalam sabda Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* [yang bermafhum], “Muliakanlah Allāh dengan Dia melihat engkau [sentiasa berada] bukan pada [perkara-perkara] yang telah Dia larangkan engkau daripadanya. Dan [yang dimaksudkan di sini ialah] tiada Dia, Maha

Risālah al-Qawā'id

Suci Dia, melihat engkau di tempat laranganNya dan tiada pula “kehilangan” engkau daripada tempat suruhanNya.”

Dan urusan yang dapat membangkitkan rasa malu kepada Allāh Ta'ālā bagi si hamba ialah dia mengetahui dan sentiasa mengingati [firmanNya yang bermafhum], “**Sesungguhnya Allāh memerhatikan setiap sesuatu,**” dan “**Dia menyaksikan setiap sesuatu.**”

Dan ia adalah [seperti di dalam] firmanNya Maha Tinggi [yang bermafhum], “**Dan ketahuilah bahawa Allāh mengetahui apa yang ada di dalam diri-diri engkau sekalian. Maka beringatlah.**”

Dan apabila si hamba telah menyibukkan hatinya dengan *murāqabah* ini dan mengamalkannya sehingga sudah menjadi tabiat baginya, maka akan timbullah rasa malu kepada Allāh Ta'ālā untuk mengatakan sebarang kata-kata atau melakukan sebarang perbuatan yang tidak diredai oleh Allāh, dan yang tidak layak dengan kebesaranNya, dan [sentiasalah dia] menghadirkan di kalbunya [firman Allāh yang bermafhum], “**Dia bersama engkau sekalian di mana sahaja engkau sekalian berada.**”

Memang Allāh sentiasa bersamanya dan sentiasa melihat kepadanya.

Sesungguhnya, andaikata si hamba ingin berzina, sebagai satu contoh, atau dia ingin mencuri, sedangkan manusia ada yang melihat kepadanya, tiadalah dia sanggup memulakannya, kerana dia mengetahui manusia sedang melihat kepadanya dan [perkara ini] akan mendatangkan keburukan kepada dirinya dan mengaibkannya.

Kalau beginilah keadaannya bersama makhluk yang tidak mempunyai sebarang kemudahan dan tidak pula sebarang manfaat, dan sentiasa pula dibawanya [sikap ini] pada setiap perkara, kerana takut tersungkur dia di mata (yakni pandangan) manusia lain dan terjatuh kadarnya di sisi mereka, maka tiada syak lagi jika hadirilah pula kalbunya (yakni mengingati bahawa Allāh sentiasa memerhatikannya) ketika dia ingin melakukan perkara yang tidak diredai oleh Allāh Ta'ālā, dia akan meninggalkan perkara itu sama sekali.

Dan inilah makna sabda Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* tentang konsep *al-ihsān* [yang bermafhum], “**Bahawa engkau beribadat kepada Allāh seakan-akan engkau melihatNya, dan jika engkau tidak dapat melihatNya, sesungguhnya Dia tetap melihatmu.**”

Dan sesiapa yang berada di dalam keadaan ini, dia akan melazimkan dirinya untuk sentiasa menunaikan urusannya dengan yang sebaik-baiknya, menuruti kadar kekuatan pengetahuannya yang Allāh sentiasa memandang kepadanya.

Dan berserta Allāh jua taufik, dan semoga Allāh mencurahkan selawat dan salam ke atas penaung kita Muḥammad dan keluarganya, pada setiap pandangan dan pada setiap nafas dengan bilangan sebanyak apa yang diliputi oleh ilmu Allāh. Selesai.